

06/05/2000

Keputusan pemilihan diketahui jam 6.30 petang

KUALA LUMPUR, Jumaat - Keputusan pemilihan bagi pertandingan jawatan naib presiden dan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang diadakan pada hari pertama perhimpunan agung Khamis depan, dijangka diketahui kira-kira jam 6.30 petang hari yang sama.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata proses pemilihan itu dimulakan kira-kira jam 11 pagi selepas ucapan perasmian oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Proses pengiraan undi di bilik khas dimulakan pada jam 3 petang. Keputusan akan diketahui seawal-awalnya jam 6.30 petang," katanya pada sidang akhbar mengenai persiapan perhimpunan itu di Ibu Pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Pada sebelah petang Khamis depan, perwakilan akan membahaskan ucapan dasar Presiden. Dua lagi usul iaitu agama dan ekonomi dibahaskan sepanjang perhimpunan tiga hari yang akan berakhir pada Sabtu.

Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan merasmikan serentak perhimpunan agung pergerakan Pemuda dan Wanita, Rabu depan.

Keputusan pemilihan untuk pertandingan Ketua, Naib Ketua Wanita serta Exco dan Naib Ketua Pemuda dan Exco, dijangka diketahui di antara jam 6 dan 6.30 petang hari yang sama. Proses pemilihan bermula jam 11 pagi selepas ucapan perasmian dan pada sebelah petang pula perbahasan ucapan dasar Ketua Pemuda.

Bagaimanapun, Khalil berkata Ibu Pejabat Umno setakat ini tidak menerima sebarang surat rasmi mengenai penarikan diri mana-mana calon yang bertanding jawatan naib presiden atau MT setakat ini.

"Sebelum ini (1996) memang ada (calon menarik diri). Kita mengamalkan demokrasi dan kita tidak boleh untuk menolak kelayakan mereka yang bertanding. Ini adalah proses sihat," katanya.

Sembilan calon menawarkan diri untuk merebut tiga jawatan naib presiden termasuk dua penyandanganya, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Tujuh lagi ialah Datuk Abdul Ghani Othman; Datuk Seri Abu Hassan Omar; Datuk Seri Syed Hamid Albar; Datuk Seri Osu Sukam; Tan Sri Muhyiddin Yassin; Tan Sri Mohd Isa Samad; dan Datuk Dr Rais Yatim. Seramai 63 calon pula merebut 25 jawatan MT.

Khalil berkata, proses pemilihan itu diadakan secara terbuka dan calon pula akan mengetahui senarai nombor mereka dalam kertas undi Ahad ini dalam satu acara yang akan diadakan di PWTC.

Pada proses pengiraan undi pula, setiap calon dibenarkan menghantar wakil dan mereka juga dikehendaki menghantar wakil bagi membuat cabutan nombor undi Ahad ini.

Mengenai tingkah laku perwakilan menjelang pemilihan, Khalil berkata Ibu Pejabat Umno ada menghantar pemerhati untuk memantau masalah itu dari masa ke semasa.

"Saya tidak boleh menyatakan bagaimana cara pasukan ini memantau tindak-tanduk perwakilan. Presiden parti sudah menyatakan bahawa MT bersedia untuk mengambil tindakan," katanya.

Semalam, Dr Mahathir mengarahkan perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno minggu depan yang sudah berada di ibu negara supaya pulang ke negeri masing-masing.

Perdana Menteri berkata, MT Umno akan mengambil tindakan tegas terhadap

mereka jika didapati terbabit dalam kegiatan yang tidak dibenarkan oleh parti seperti meminta sesuatu daripada calon.

Khalil berkata, jumlah perwakilan bahagian ke perhimpunan itu nanti ialah 1,956 orang dan keseluruhannya 2,017 termasuk ahli MT selain 10 wakil masing-masing daripada Pemuda dan Wanita.

(END)